

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai reaksi pelajar terhadap reka bentuk tapak web Geografi Tingkatan Empat yang bertajuk 'Waktu Tempatan dan Waktu Piawai' (WTWP). Tapak web ini direka bentuk berdasarkan Teori Perkembangan Konstruktivist Sosial Vygotsky. Tiga konsep utama teori perkembangan Vygotsky telah diterapkan dalam mereka bentuk tapak web 'WTWP', iaitu interaksi sosial, sokongan (*scaffolding*) dan *zone of proximal development* (ZPD).

Subjek kajian terdiri daripada 9 orang pelajar Tingkatan Empat yang dipilih berdasarkan keputusan PMR 1998 dan persetujuan mereka untuk melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela. Untuk mendapatkan data kajian, pelajar-pelajar tersebut telah mengikuti pembelajaran berasaskan tapak web 'WTWP' selama empat hari. Pelajar dibahagikan kepada 3 kumpulan di mana setiap kumpulan terdiri daripada seorang pelajar cerdas, seorang pelajar sederhana dan seorang pelajar lemah. Data kajian dikumpul dengan menggunakan kaedah soal selidik dan pemerhatian.

Jenis interaksi sosial yang dikaji terbahagi kepada interaksi bersemuka dan interaksi tidak bersemuka. Pada keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa reaksi pelajar terhadap interaksi sosial adalah sangat positif, melainkan pelajar menunjukkan keinginan untuk memilih rakan sekumpulan sendiri.

Dari segi penilaian unsur-unsur sokongan, reaksi pelajar terhadap unsur-unsur sokongan yang disediakan pada tapak web 'WTWP' juga adalah sangat positif. Bagi sokongan dari guru, reaksi pelajar adalah berbeza mengikut kategori pelajar, didapati pelajar cerdas lebih suka guru mengajar keseluruhan isi pelajaran, manakala pelajar lemah lebih suka jika guru tidak mengajar keseluruhan isi kandungan tetapi memberi penerangan

apabila diminta. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar tidak menghadapi masalah menggunakan hiperteks tetapi mereka menghadapi masalah memahami maklumat pada halaman web Bahasa Inggeris yang dicadangkan. Dapatan hasil juga menunjukkan sokongan dari rakan sekumpulan merupakan satu unsur sokongan yang penting dalam proses pembelajaran.

Untuk menguji kesan pembelajaran dalam ZPD, skor ujian pra dan ujian post menunjukkan terdapat peningkatan pemahaman pelajar terhadap tajuk 'Waktu Tempatan dan Waktu Piawai' selepas pembelajaran ini.

Pada keseluruhannya reaksi pelajar terhadap pembelajaran berasaskan web adalah sangat positif. Walau bagaimanapun didapati pelajar cerdas tidak menunjukkan reaksi yang lebih positif terhadap pembelajaran berasaskan web berbanding dengan cara pembelajaran biasa. Sementara reaksi pelajar lemah adalah sangat positif terhadap pembelajaran berasaskan web.

Akhirnya, cadangan yang diberi oleh pelajar tentang aktiviti yang paling berguna untuk tujuan pembelajaran ialah latihan yang disediakan dan aktiviti mencari maklumat dari laman web. Sementara aktiviti yang paling menyeronokkan ialah mencari maklumat dari laman web dan perbincangan melalui mel elektronik.

ABSTRACT

EVALUATION OF A FORM FOUR GEOGRAPHY WEBSITE

The purpose of this study is to evaluate students' reaction towards the "Local and Standardised Time" (WTWP) Geography web site. The website was designed based on the concepts drawn from Vygotsky's Social Constructivist Development Theory, which are: social interaction, scaffolding and zone of proximal development.

The subjects selected for the study consisted of nine Form Four students who were selected based on their 1998 PMR results and also their willingness to participate in this study. The students underwent a four days of web-based learning using the 'WTWP' website. During the web-based learning, the students were divided into three groups. Each group consisted of a good student, an average student and a weak student. Data was collected using questionnaires and through observations by the researcher.

The outcome of the research showed that the reaction of the students towards social interaction was very positive. The only exception was the option of choosing group partners. 44.4% of the students preferred to choose their own partner.

Students' reaction towards elements of scaffolding was very positive too. However their reaction to the scaffolding given by the teacher was different. The good students preferred the teacher to teach the content of the whole lesson but the weaker students preferred the teacher not to teach the content of the whole lesson but rather provide learning support whenever the students sought for it.

The findings also showed that the students did not face any problem in using hypertext. However they could not understand information from the web pages which were in the

English Language. It was found that scaffolding from the partners in the group played an important role in the learning process.

The amount of learning that occurred within the students' ZPD was also evaluated. The results of the study showed that the students' understanding of the topic 'WTWP' increased by 62.7%.

On the whole, the students' reaction towards web based learning was very positive. However, when compared to the traditional learning method, the reaction from the good students was less favourable. The weaker students showed positive reaction towards web-based learning.

Lastly, the findings showed that the most useful activities in learning based on the web site 'WTWP' were doing the exercises given and information retrieval; while the most interesting activities were information retrieved and discussion through the e-mail.